"TEORI ANCAMAN CHINA" DAN HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA-CHINA[1]

RAMLI DOLLAH
WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN

Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

Since the introduction of the 'Four Modernizations' in China by Deng Xiaopeng in 1978, China's economy has experienced tremendous development especially when it became an attractive destination for Foreign Direct Investment (FDI). This development has changed the status of China from the 'backward' image of a Communist country to a new economic dynamo of growth in the region. In facing this situation, it is inevitable for Malaysia to deny China's economic expansion. As such, Malaysia has tried to improve its ties with China to ensure that it will share China's economic prosperity. Instead, Malaysia sees China as an opportunity rather than a threat to its economy. This article contends that Malaysia-China economic relations are becoming more important and have a bright prospect to develop in the near future. Although there are issues that at times challenged their relationship, Malaysian leaders ignored the problems and continue to improve their economic ties.

ABSTRAK

Hubungan diplomatik Malaysia-China terjalin sejak tahun 1974 lagi. Namun, beberapa isu dalam hubungan bilateral memperlihatkan China banyak memberi ancaman kepada Malaysia terutamanya apabila mengaitkan China sebagai negara Komunis, kemakmuran ekonomi China, kekuatan ketenteraan China dan beberapa isu lain. Namun, kebangkitan ekonomi China dilihat sebagai perkara utama dalam menentukan dasar yang dilaksanakan oleh Malaysia ke atas China. Hal ini disebabkan, China dilihat sebagai pemangkin atau enjin pertumbuhan di rantau ini. Dalam hal ini, Malaysia melihat pembangunan ekonomi China sebagai peluang ke arah membangunkan ekonomi Malaysia. Oleh itu, artikel ini mendapati bahawa walaupun terdapat beberapa isu yang

memperlihatkan ancaman China ke atas rantau ini termasuk Malaysia, namun faktor ekonomi menyebabkan kesemua isu ini 'dineutralkan' oleh kerajaan Malaysia untuk kepentingan ekonomi negara.

PENGENALAN

Kebergantungan ekonomi merupakan fenomena baru dunia hari ini. Oleh itu, setiap negara tidak akan mampu meneruskan kelangsungan negaranya tanpa mengadakan hubungan ekonomi dengan negara-negara luar. Dalam konteks hubungan Malaysia-China, isu ekonomi ini juga merupakan pemangkin kepada hubungan yang baik antara kedua-dua negara ini. Dalam hal ini, pembangunan ekonomi yang pesat di China pastinya akan memberi banyak keuntungan kepada Malaysia jika peluang ini digunakan sebaik mungkin oleh negara. Bersandarkan kepada hakikat ini, artikel ini cuba melihat hubungan kedua-dua negara selepas tamatnya Perang Dingin dengan melihat faktor ekonomi sebagai faktor utama yang menjadi pengikat kepada keharmonian hubungan kedua-dua buah negara. Selain itu, faktor ekonomi juga dikenal pasti sebagai agen pemangkin kepada proses 'meneutralkan' hubungan Malaysia-China.

Perbincangan dalam artikel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian dengan fokus utamanya melihat hubungan ekonomi Malaysia-China pasca Perang Dingin. Artikel ini seterusnya menilai bagaimana Malaysia yang berhadapan dengan beberapa isu dengan China misalnya isu di Kepulauan Spratly serta beberapa isu lain cuba mengendurkan masalah ketegangan dengan hubungan ekonomi. Bahagian seterusnya menganalisis bagaimana faktor ekonomi menjadi penentu kepada segala dasar yang dilaksanakan oleh Malaysia ke atas China dan bahagian akhir sekali ialah kesimpulan.

HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA

Hubungan diplomatik China-Malaysia bermula apabila Perdana Menteri (PM) Malaysia, Tun Abdul Razak memulakan inisiatif lawatan rasmi ke Beijing pada 31 Mei 1974 (McDougall, 1997, Hal. 28). Lawatan tersebut merupakan langkah awal dasar luar Malaysia yang cuba melaksanakan polisi berbaik-baik dengan negara komunis selaras dengan dasar berkecuali yang dijalankan oleh Malaysia ketika itu. Hubungan tersebut menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di rantau ini yang menjalin hubungan dengan China.

Pada peringkat awal, memandangkan China merupakan sebuah negara komunis,[2] maka hubungan kedua-dua negara masih dihambat oleh beberapa isu seperti faktor ideologi dan perasaan curiga Malaysia terhadap tindak-tanduk China ke atas Parti Komunis Malaya (PKM) yang sering dikaitkan dengan sokongan China.[3] Dalam hal ini, China dikatakan memberikan bantuan material kepada pergerakan tersebut di negara ini.[4] Kebimbangan Malaysia ini memaksa Malaysia menandatangani Deklarasi Kuantan pada

Februari 1980 yang menyetujui bahawa Vietnam akan menjadi negara penampan kepada dasar perluasan China ke rantau Asia Tenggara (Ramli Dollah, 2003, Hal. 84). Walau bagaimanapun, hubungan ini menemui rentak baru apabila Li Peng pada November 1988 mengumumkan empat prinsip perhubungan China-ASEAN iaitu pertama, China akan patuh kepada Lima Prinsip Keamanan dalam hubungan antara negara; kedua, China menentang sebarang bentuk "hegemonisme" dalam apa jua bentuk dan keadaan; ketiga hubungan ekonomi China dengan negara lain dalam hal-ehwal ekonomi adalah didasarkan kepada prinsip persamaan, keuntungan dan keamanan bersama, dan keempat, dalam hal-ehwal antarabangsa, China mengamalkan prinsip kebebasan, saling menghormati, kerjasama dan saling menyokong antara satu sama lain (McDougall, 1997, Hal. 212). Melalui pengumuman tersebut, negara-negara di rantau ini mula melihat dasar luar China yang inginkan hubungan yang baik dengan negara-negara Asia Tenggara.

Seterusnya hubungan ini bertambah erat selepas pembubaran PKM pada 2 Disember 1989 dan yang lebih menarik adalah apabila China dikatakan terlibat secara tidak langsung dalam pembubaran pertubuhan (Ganesan, 2000). Ini menyebabkan, Malaysia yang sebelum ini melihat China dengan pandangan yang negatif mula mengubah persepsinya dengan melihat China sebagai agen kestabilan serantau. Peristiwa tersebut selari dengan robohnya Tembok Berlin dan disusuli oleh keruntuhan Kesatuan Soviet pada awal tahun 1990-an. Hubungan ini dilihat semakin penting apabila China berjaya menjadi sebuah kuasa ekonomi dan ketenteraan dunia dan dikatakan bakal menggantikan Russia selepas keruntuhan empayar komunis tersebut. Kekuatan yang dimiliki oleh China sama ada dalam bidang ekonomi atau ketenteraan inilah yang banyak menentukan hubungan dan isu-isu berbangkit dalam hubungan kedua-dua buah negara.

Sehingga ke hari ini, hubungan Malaysia-China terjalin dalam semua peringkat dan pelbagai bidang melibatkan ekonomi, politik, ketenteraan, kebudayaan dan sebagainya. Dalam bidang politik misalnya, mesyuarat antara Menteri-Menteri Luar kedua-dua negara melalui ASEAN telah diadakan sejak April 1991 hingga ke hari ini. Selain itu, China juga telah menubuhkan kedutaan di Malaysia di samping membuka konsul jeneralnya di Kuching bagi tujuan mengeratkan hubungan kedua-dua negara. Manakala, Malaysia pula telah menubuhkan konsul jeneral di Shanghai, Canton dan Hong Kong (Ramli Dollah, 2004, Hal. 54-56, 64). Bagi mengeratkan lagi hubungan ini, beberapa lawatan pemimpin kedua-dua buah negara diadakan.[5] Selain itu, beberapa perjanjian, kerjasama dan Memorandum Persefahaman (MOU) juga telah ditandatangani dalam pelbagai bidang.[6] Ini menunjukkan komitmen bersungguh-sungguh kerajaan Malaysia dalam hubungannya dengan China.

Dalam bidang ketenteraan, kedua-dua negara turut memperlihatkan kerjasama yang erat. Misalnya kedua-dua negara bersetuju menubuhkan *military attaché* di negara masing-masing pada 1995. Di samping itu, beberapa lawatan kapal perang antara kedua-dua negara telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lepas. Kapal perang tentera laut China (PLAN) misalnya pernah melawat Malaysia pada 1996, 2001 dan 2002.

Seterusnya pada September 2002, Menteri Pertahanan China, Chi Haotian singgah di Malaysia dan mengadakan pertemuan bersama rakan sejawat beliau Najib Tun Razak bagi membincangkan beberapa isu mengenai hubungan kedua-dua negara ini. Sebagai membalas lawatan ini, Malaysia menghantar kapal tenteranya ke China. Pada Ogos 2002 misalnya, KD Sri Inderapura milik Tentera Diraja Malaysia (TLDM) tiba di Shanghai untuk lawatan lima hari. Bukan setakat itu, sejak 1993 lagi Malaysia telah bekerjasama dengan syarikat dari China untuk menghasilkan senjata bagi tujuan pertahanan (Baviera, 1999). Kesemua ini menunjukkan bahawa hubungan politik dan keselamatan kedua-dua negara ini berada pada tahap yang baik. Dalam hal ini, kedua-dua pemimpin Malaysia dan China turut mengakui keharmonian yang wujud antara kedua-dua buah negara ini. Hu Jiantao pada 2002 semasa berucap di hadapan para pemimpin dan ahli perniagaan Malaysia menyatakan bahawa "*China oppose the strong lording it over the weak and the big bullying small.... Big countries should respect the interests of the small and medium-sized Asian countries, treat them as equal and act constructively for Asia's stability and prosperity*'. Beliau menambah, "*China pledged not to seek hegemony, not to join any military bloc and not to pursue its own sphere of influence*" (Xinhuanet, 20 Mac 2004). Kenyataan beliau ini memberikan satu isyarat jelas bahawa hubungan kedua-dua negara berada pada landasan yang betul. Seterusnya pada September 2003, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Badawi tiba di Beijing untuk membincangkan hubungan bilateral kedua-dua negara ini. Kedua-dua negara bersetuju menjadikan tahun 2004 sebagai *Malaysia-China Friendship Year,* bertepatan dengan sambutan 30 tahun hubungan Malaysia-China (Yow Cheun Hoe, 2004, Hal. 181).

Seterusnya pada 27 hingga 31 Mei 2004, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Badawi mengetuai delegasi diplomatik dan perdagangan ke China sempena sambutan ke 30 tahun hubungan China - Malaysia. Dalam lawatan ini, Abdullah telah bertemu dengan Perdana Menteri China, Wen Jiabao dan membincangkan beberapa perkara yang boleh meningkatkan hubungan dua hala dengan memberi penekanan kepada soal pembangunan ekonomi, usaha mewujudkan persekitaran yang stabil, memelihara *Sea Lines of Communication* (SLOC) terutamanya di laluan Selat Melaka dan beberapa isu lain (Montaperto, 2004). Kesemua keadaan yang dijelaskan menunjukkan bahawa kedua-dua buah negara menunjukkan komitmen yang besar dalam mengeratkan lagi hubungan kedua-dua buah negara ini. Ia sekaligus menjelaskan bahawa hubungan kedua-dua negara ini berada dalam keadaan yang harmoni.

LATAR BELAKANG NEGARA CHINA

China merupakan sebuah kuasa ekonomi yang muncul selepas pelaksanaan *Four Modernizations* oleh Deng Xiopeng pada 1978. Namun, fakta ini sahaja belum mencukupi untuk melihat kemampuan sebenar yang dimiliki oleh negara China. Oleh itu, dalam melihat hubungan kedua-dua buah negara ini, adalah perlu untuk meninjau potensi dan ciri-ciri China yang mungkin dapat membantu dalam memahami negara

tersebut. Secara keseluruhannya, keluasan wilayah China ialah 10,420,000 km persegi (termasuk 9,500,000 km persegi daratan dan 920,000 km persegi laut), merintangi 5200 km dari timur ke barat dan 5,500 km dari utara ke selatan. Ia dianggarkan mempunyai penduduk seramai 1.3 bilion iaitu mewakili 22% penduduk dunia. Daripada jumlah ini, 800 juta orang merupakan sumber tenaga kerja, 3% atau mewakili 39 juta orang merupakan anggota tentera dan menjadikannya negara ketenteraan terbesar di dunia. Selain itu, China juga mempunyai potensi mineral yang ketiga terbesar mewakili 12% pengeluaran dunia. Selain itu, kerajaan China juga mengesahkan terdapat lebih kurang 1,053 jenis mineral seperti arang batu, tungsten, timah, besi, logam dan lain-lain di negara ini, iaitu antara yang terbesar di dunia. Manakala simpanan minyaknya adalah yang ke-6 atau ke-7 terbesar di dunia (Ramli Dollah, 2004).

Dalam bidang pertanian, China hanya mewakili 7% daripada keseluruhan tanah pertanian di seluruh dunia. Namun, dengan keluasan ini, ia masih mampu memenuhi keperluan makanan penduduknya. Aspek pertumbuhan ekonominya pula menurut *Chinese Statistic Bureau* berada pada kadar 7% untuk tempoh 20 tahun sejak 1980-an dan ia pernah mencapai angka dua digit (empat kali berbanding Filipina dan dua kali ganda berbanding Indonesia),[7] dan GNP mencapai angka 8,319 bilion Yuan (US$1 trilion) pada 1999 (Cao, 2000). Selain itu, China juga merupakan antara negara yang mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi terpantas di dunia. Bagi eksport negara itu pada 1979 misalnya, jumlahnya hanyalah US$13.7 bilion tetapi meningkat berpuluh-puluh kali ganda kepada US$266 bilion pada 2001. Dalam sektor pelaburan, didapati bahawa jumlah pelaburan yang memasuki negara tersebut di antara 1988-2000 meningkat pada kadar 23% setahun. Ini menjadikan jumlah terkumpul pelaburan di negara tersebut mencecah angka US$339 bilion, menjadikannya penerima pelabur kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat (Abeysinghe, 2003, Hal. 164). Namun pada September 2004, China mengambil tempat Amerika Syarikat sebagai penerima jumlah pelaburan terbesar di dunia. Hal ini diakui oleh *UN Conference on Trade and Development* (UNCTAD) *World Investment Report 2004* (*Taipei Times*, 21 Oktober 2004). Selain itu, sehingga kini, China merupakan negara kedua terbesar simpanan matawang di belakang Jepun.

Reformasi ekonomi China

Sejak 1949 sehingga awal tahun 1980-an, kerajaan komunis China melaksanakan lebih kurang 8 reformasi ekonomi secara besar-besaran. Hampir kesemuanya telah dilaksanakan oleh bekas pemimpin tertinggi China dan pelopor komunis China, Mao Zedong dalam pentadbirannya kecuali *Four Modernization* yang dilaksanakan oleh Deng Xiaopeng, pengganti Mao pada 1978. Walau bagaimanapun, selepas hampir 30 tahun Mao melaksanakan reformasi ekonomi di negara komunis tersebut, China masih tidak dapat berkembang sedangkan negara-negara jiran seperti Jepun dan Korea Selatan menikmati kemakmuran ekonomi dan menjadi "harimau ekonomi Asia" (Ramli Dollah, 2003, Hal. 87). Namun, segalanya berubah apabila Deng mengambil alih tampuk pemerintahan China dan melaksanakan *Four Modernizations* pada 1978 dengan penekanan kepada sektor pertanian, perindustrian, sains teknologi dan pertahanan dengan

agenda utamanya untuk "meletakkan China sebaris dengan negara industri maju lain".[8] Melalui pelaksanaan polisi ini juga, China mula melaksanakan dasar ekonomi yang mirip kepada sistem ekonomi kapitalis dan merupakan sebab utama kejayaan ekonomi China sehingga ke hari ini.

Bagi menjadikan ekonomi negara tersebut berdaya saing, China mewujudkan beberapa *Special Economic Zones* seperti di Shenzhen, Zhuhai, Shantou dan Xiamen pada 1979 yang dilihat sebagai "jendela" kepada pemodal luar untuk memasuki negara tersebut (McKenney. 1993, Hal. 1). Selain itu, pada 1990-1992, China bertindak menurunkan nilai matawangnya, *Renmimbi* (RMB) sebagai satu langkah ke arah meningkatkan kemasukan pelabur-pelabur asing dari luar (Conable & Lampton, 1992, Hal. 138).

Penyertaan China dalam WTO juga dilihat sebagai satu cara meningkatkan kemampuan ekonominya.[9] Hal ini kerana, penyertaannya dalam WTO pada 11 Disember 2001 juga dilihat menguatkan lagi andaian bahawa China cuba meletakkan dirinya dalam persaingan sistem ekonomi antarabangsa. Keadaan ini dilihat bakal menjadikan China sebagai gergasi utama ekonomi dunia setanding dengan Amerika Syarikat untuk tempoh 20 tahun. Menyedari hal ini, maka negara-negara lain termasuk juga Malaysia perlu melaksanakan dasar yang menguntungkan negara untuk tempoh jangka masa panjang. Hal ini disebabkan tempias ekonomi China ini bakal mengenai negara-negara ini lebih-lebih lagi apabila terdapat beberapa usaha untuk mewujudkan kerjasama yang lebih besar antara rantau Asia Tenggara dengan China melalui ASEAN + 1 (ASEAN + China).[10]

HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA -CHINA

Dalam membincangkan hubungan bilateral Malaysia-China, isu utama dibangkitkan adalah berkait dengan soal kerjasama dalam bidang ekonomi. Oleh itu, tidak menghairankan jika dikatakan bahawa isu ekonomi merupakan agenda penting hubungan kedua-dua buah negara ini sejak tamatnya Perang Dingin. Dalam hal ini, kedua-dua buah negara saling memerlukan antara satu dengan yang lain terutamanya dalam meningkatkan kerjasama ekonomi kedua-dua negara. Malaysia perlu menjalankan satu dasar yang lebih menguntungkan Malaysia dalam hubungan ekonomi kedua-dua negara. Pembangunan ekonomi China dilihat sebagai pemangkin atau enjin pertumbuhan rantau ini. Oleh itu, negara-negara di rantau ini akan dapat mengaut keuntungan jika menjalankan dasar ekonomi yang baik dengan negara China. Dalam hal ini, pelbagai bidang boleh dimajukan misalnya bidang perdagangan, pelaburan dan sebagainya. Selain itu, hubungan ekonomi yang baik juga mampu menggalakkan kehadiran pelancong yang akan memberikan keuntungan kepada industri-industri tertentu di negara ini.

Daripada kacamata China, ia melihat bahawa pembangunan ekonomi China banyak memberi keuntungan kepada Malaysia. Oleh itu, tidak menghairankan apabila pada Mei 2002, Hu Jiantao semasa memberikan ucapan di *Asian Strategy and Leadership*

Institute (ASLI) [11], menyebut bahawa "pembangunan ekonomi China adalah mustahil tanpa Asia, dan kemakmuran yang dikecapi oleh Asia adalah mustahil tanpa China ... pertumbuhan ekonomi China bukanlah ancaman, tetapi menjadi faktor yang utama dalam meningkatkan pembangunan ekonomi di rantau ini" (Xinhuanet, 20 Mac 2004). Kenyataan beliau ini mengesahkan bahawa dalam bidang ekonomi, kerjasama ini adalah amat penting untuk faedah bersama. Malaysia dalam hal ini perlu melihat bahawa kesediaan China untuk bekerjasama dalam bidang ekonomi merupakan satu rahmat besar kepada negara lebih-lebih lagi dengan wujudnya peluang yang boleh dimajukan dalam bidang ekonomi kedua-dua buah negara ini.

Selepas tamatnya Perang Dingin, didapati dimensi hubungan ekonomi kedua-dua negara ini menjadi semakin rancak lebih-lebih lagi apabila Malaysia mencadangkan penubuhan *East Asian Economic Group* (EAEG) dan sokongan China. Cadangan EAEG (kemudiannya diubah kepada *East Asian Economic Caucus* atau EAEC) ini telah dikemukakan pada 1990 di Kuala Lumpur bersempena lawatan PM China, Li Peng ke Malaysia. Cadangan ini merupakan respon ke atas APEC yang dilihat oleh Malaysia bakal didominasi oleh Amerika Syarikat. China, walaupun bakal menjadi "nombor 2" selepas Jepun (sesuatu yang tidak diingini oleh China) dalam cadangan menerajui pertubuhan ini, namun ia menyokong penuh cadangan penubuhan EAEC. Ini dapat dilihat melalui kenyataan presiden China, Yang Shangkun pada 1992 yang menyatakan bahawa cadangan pembentukan EAEC ini sebagai "langkah positif ke arah mempromosikan kerjasama serantau".[12] Pandangan yang sama ke atas isu ini menjadikan hubungan ekonomi kedua-dua negara bertambah baik lebih-lebih lagi apabila China berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonominya pada tahap yang memberangsangkan.

Walaupun cadangan ini gagal direalisasikan seperti yang diharapkan, namun hubungan ekonomi ini tidak terhenti begitu sahaja. Hubungan ekonomi ini mula memperlihatkan keakrabannya apabila pada Julai 1991, Menteri Luar China, Qian Qichen menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN (AMM) dan penerimaan China sebagai rakan dailog penuh ASEAN pada Julai 1996. Selain itu, negara ASEAN turut menerima cadangan Zhu Rongji ke arah penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) antara ASEAN-China. Selain itu, kerjasama ini akan diperluaskan lagi melalui pembentukan ASEAN + 3 (China, Jepun dan Korea Selatan). Pembentukan ASEAN + 3 ini dilihat sebagai usaha menghidupkan semula konsep EAEC yang dikemukakan Malaysia dengan menggunakan nama yang lain.

Seterusnya perjanjian untuk mewujudkan *Malaysia-China Business Council* telah ditandatangani di Kuala Lumpur pada April 2002 semasa lawatan Hu Jintao, Presiden China ke Malaysia. Majlis ini kelak akan berfungsi sebagai badan utama yang akan bertindak menggiatkan lagi hubungan kedua-dua buah negara dalam soal pembangunan sumber manusia, teknologi komunikasi, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pelancongan, pendidikan dan sebagainya. Kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Dato' Seri Rafidah Aziz pada Mei 2002 yang menyebut hubungan kedua-dua buah negara mampu untuk terus dikembangkan melalui beberapa

siri kerjasama dan perjanjian lain merupakan bukti yang jelas tentang hubungan ekonomi yang baik antara kedua-dua buah negara ini (Ramli Dollah, 2003).

Selain melihat peranan China dalam hubungan ekonomi dengan Malaysia, negara-negara di rantau Asia Tenggara termasuk juga Malaysia banyak terhutang budi kepada China lebih-lebih lagi apabila ia tidak menurunkan nilai matawangnya, RMB semasa berlakunya krisis ekonomi Asia pada 1997. Tindakan China ini bertujuan untuk negara Asia menanggung akibat daripada kesan ekonomi dan sekaligus menunjukkan bahawa Beijing mampu menjadi ketua bagi negara Asia (Roy, 2002, Hal. 2). Berdasarkan keadaan ini, tidak menghairankan, semasa menjadi PM Malaysia, Tun Mahathir Mohamad pernah menyarankan agar ASEAN (termasuk juga Malaysia) melihat China bukan sebagai ancaman sebaliknya harus mengambil kesempatan yang lebih positif untuk bekerjasama dalam sektor perdagangan (Lim Chee Hau. 2004). Dalam konteks Malaysia, kenyataan ini menjelaskan bahawa Malaysia inginkan hubungan yang intim dengan negara China terutamanya dalam aspek ekonomi.

Perdagangan (Import/Eksport)

Salah satu daripada kerjasama ekonomi yang boleh dikembangkan antara kedua-dua negara adalah melalui perdagangan (import dan eksport). Dalam hal ini, kedua-dua pihak perlu berusaha dan mencari jalan untuk meningkatkan lagi perdagangan antara kedua-dua buah negara. Di pihak Malaysia, usaha-usaha yang lebih giat perlu dijalankan bagi memastikan bahawa Malaysia akan terkena tempias pembangunan ekonomi di China dengan mengambil peluang-peluang perdagangan yang tersedia di negara tersebut.

Dalam hal ini, pembangunan ekonomi yang pesat di China dilihat banyak memberi keuntungan kepada negara Malaysia. Ini kerana, kepesatan ini secara tidak langsung meningkatkan peluang-pelauang perdagangan antara kedua-dua negara. Dengan bilangan penduduk lebih kurang 1.3 bilion dan kekuatan ekonomi bernilai lebih kurang US$10 trilion, China pastinya akan memerlukan sejumlah besar barangan dari Malaysia. Dalam hal ini, Malaysia perlu mengambil kesempatan melalui pasaran yang luas di China untuk mengaut keuntungan dengan negara tersebut melalui peningkatan aktiviti perdagangan kedua-dua buah negara ini.

Sejak kebelakangan ini, trend perdagangan Malaysia-China semakin meningkat dan ianya merupakan satu petunjuk yang memberangsangkan kepada hubungan ekonomi Malaysia-China. Ini dilihat melalui kadar peningkatan kadar perdagangan China-Malaysia setiap tahun. Sehingga kini, hubungan perdagangan kedua-dua negara ini berada pada kedudukan yang baik di mana peningkatan berlaku setiap tahun. Perdagangan Malaysia-China sejak tahun 1990 hingga 2003 misalnya mencatatkan sejumlah RM238.42 bilion, satu angka yang besar dalam perdagangan Malaysia dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara ini. Pada 1994, China

menjadi rakan perdagangan keempat terbesar Malaysia. Kadar peningkatan ini berlaku hampir setiap tahun dan kedua-dua pihak mendapat keuntungan daripada perdagangan yang dijalankan. Jadual di bawah menujukkan jumlah perdagangan bilateral kedua-dua buah negara dari 1990-2004.

Jadual 1: Perdagangan bilateral Malaysia-China (RM Bil)

Tahun	Eksport	Import	Jumlah	Imb. Dagangan
1990	1.67	1.52	3.19	0.15
1991	2.21	1.74	3.95	0.47
1992	1.96	2.48	4.44	-0.52
1993	3.09	2.82	5.92	0.27
1994	5.06	3.58	8.64	1.49
1995	4.9	4.3	9.2	0.61
1996	4.8	4.72	9.52	0.08
1997	5.26	6.27	11.53	-1.02
1998	7.77	7.26	15.03	0.51
1999	8.8	8.15	16.96	0.65
2000	11.51	12.32	23.83	0.81
2001	14.68	14.47	29.16	0.21
2002	19.97	23.47	43.44	-3.51
2003	25.87	27.73	53.61	-1.86
Jan-Nov. 04	29.4	35.4	64.8	

Sumber : MATRADE (2004), MITI (2004) & NST, 26 Mei 2004.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, didapati jumlah perdagangan kedua-dua buah negara ini mengalami peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2002 misalnya, jumlah perdagangan berjumlah RM43.44 bilion dan meningkat pada RM53.61 bilion pada 2003. Jika dibandingkan pada 1990, jumlah perdagangan kedua-dua negara ini hanyalah RM3.19 bilion. Oleh itu, dapatlah kita jangkakan bahawa perdagangan Malaysia-China sebelum tahun 1990-an adalah lebih rendah daripada angka yang ditunjukkan. Ini merupakan gambaran bahawa hubungan ekonomi Malaysia-China berada pada kedudukan yang memberangsangkan melalui peningkatan setiap tahun.

Walaupun peningkatan perdagangan berlaku setiap tahun, namun, satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah berkait dengan soal imbangan dagangan kedua-dua buah negara. Pada peringkat awal didapati imbangan dagangan kedua-dua negara ini lebih

memihak kepada Malaysia. Namun sejak kebelakangan ini, perdagangan kedua-dua negara lebih memihak kepada China. Ini tidak menghairankan memandangkan potensi negara China itu sendiri dan keperluan Malaysia ke atas barangan China yang semakin meningkat lebih-lebih lagi dengan harga barangan China yang lebih murah berbanding dengan barangan buatan tempatan. Selain itu, sejak dari awal lagi, Malaysia banyak mengimport barangan tertentu dari China. Dalam hal ini, barangan makanan dan barangan keluaran kilang merupakan import yang tertinggi dengan peratusannya berada sekitar 11% dan 5% untuk keseluruhan import Malaysia di seluruh dunia untuk tempoh 1997-2001.[13] Manakala barangan eksport Malaysia ke China pula lebih kepada barang-barang mentah seperti petroleum, getah, kelapa sawit dan sebagainya. Jadual 2 di bawah menunjukkan keadaan ini.

Jadual 2: Eksport barangan terpilih Malaysia ke China (%) 1997-2001

Jenis Barangan	1997	1998	1999	2000	2001
Petroleum	1.6	2.7	1.7	4.2	5.2
Getah	5.1	4.1	6.7	9.6	10.4
Kelapa Sawit	14.5	12.2	8.7	11.5	12.9
Balak Bergeragaji	6.7	13.7	24.7	21.7	22.1

Sumber: Laporan Perangkaan 2002, Jab. Perangkaan Malaysia, (Hal 204-207).

Jika dirujuk kepada statistik barangan eksport dan import utama kedua-dua negara, didapati China dan Malaysia saling memerlukan antara satu sama lain. Eksport utama Malaysia ke China lebih kepada barang-barang elektronik, kelapa sawit, kayu bergergaji, minyak mentah, bahan kimia dan sebagainya. Manakala import Malaysia dari China meliputi barangan seperti barangan elektronik, mesin dan alat ganti, tekstil dan pakaian, bijirin dan sebagainya. Jadual 3 menunjukkan import/eksport Malaysia dan China untuk tahun 2003.

Jadual 3: Eksport/import Malaysia-China 2003

EKSPORT			IMPORT		
Barangan Utama	**Nilai**	**%**	**Barangan Utama**	**Nilai**	**%**
Elektrik & peralatan elektronik	10.1	39.2	Elektrik & peralatan elektronik	16.3	58.6

(sambungan)

EKSPORT			IMPORT		
Barangan Utama	**Nilai**	**%**	**Barangan Utama**	**Nilai**	**%**
Minyak kelapa sawit	4.3	16.7	Mesin, peralatan & alat ganti	1.8	6.4
Kimia dan bahan kimia	2.9	11.3	Kimia dan bahan kimia	1.1	4.0
Petroleum Mentah	1.8	7.1	Tekstile dan pakaian	1.0	3.5
Mesin, peralatan dan alat ganti	1.0	4.0	Bijirin	0.9	3.4
Lain-Lain	5.7	21.7	Lain-lain	6.6	24.1

Sumber : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) 2004

Secara keseluruhannya, hubungan perdagangan Malaysia-China berada pada posisi yang baik. Namun, apabila melihat kepada imbangan perdagangan yang lebih memihak kepada China sejak kebelakangan ini, para usahawan Malaysia perlu mencari kaedah terbaru bagi mengatasi masalah ini. Salah satu usaha yang boleh dilakukan adalah dengan cara meningkatkan usaha memperkenalkan produk-produk baru yang berdaya saing dan diperlukan di pasaran China. Jika peluang ini digunakan sebaik mungkin, ianya pasti akan memberikan keuntungan yang berlipat ganda kepada negara. Salah satu sumber yang sangat berpotensi untuk dikembangkan pasarannya ke China ialah kelapa sawit. Jika merujuk kepada stastitik yang dikeluarkan oleh *Malaysia Palm Oil Board* (MPOB), didapati China merupakan pengimport utama minyak kelapa sawit Malaysia. Menyedari akan hal ini, maka Malaysia perlu meningkatkan usaha untuk menembusi pasaran baru kelapa sawit di China. Jadual 4 di bawah menunjukkan negara pengimport utama minyak kelapa sawit Malaysia bagi tahun 2002 dan 2003.

Jadual 4: Eksport kelapa sawit ke beberapa destinasi 2002/2003 (tan)

NEGARA	2002	2003	PERBEZAAN	
			Kuantiti	*%*
China	1,838,710	2,545,692	706,982	38.4
EU	1,497,466	1,695,392	197,926	13.2
India	1,676,580	1,593,587	(82,993)	(5.0)

(sambungan)

NEGARA	2002	2003	PERBEZAAN	
			Kuantiti	*%*
Pakistan	1,084,718	1,098,701	13,983	1.3
Mesir	526,949	564,850	37,901	7.2
Singapura	432,774	471,632	38,858	9.0
Japan	427,208	447,326	20,118	4.7
Bangladesh	231,243	290,611	59,368	25.7
UEA	206,144	264,611	58,467	28.4
Amerika Syarikat	261,969	257,849	(5,120)	(1.9)

Sumber: *NST*, 9 Jun 2004, dipetik daripada MPOB

Berdasarkan Jadual 4, jelas menunjukkan bahawa China merupakan pengguna utama minyak kelapa sawit Malaysia iaitu mewakili 38.4% daripada jumlah keseluruhan eksport kelapa sawit Malaysia ke luar negara. Jika trend ini berterusan, Malaysia terutamanya akan mendapat keuntungan yang berlipat ganda dan secara tidak langsung akan mengeratkan lagi hubungan Malaysia-China di pelbagai peringkat. Kenyataan Hu Jiantao pada 2002 yang menyatakan "untuk tempoh lima tahun dari sekarang, pasaran yang terbuka di China akan membuka peluang perdagangan kepada rakan-rakan dagangan China berjumlah lebih kurang US$1.5 trilion" (Xinhuane, 20 Mac 2004), perlu diberi perhatian utama. Ini merupakan petanda jelas bahawa negara Asia termasuk Malaysia mempunyai peluang yang besar untuk meningkatkan perdagangan mereka ke China.

Pelaburan

Selain hubungan dagangan, satu lagi sektor penting kerjasama ekonomi kedua-dua buah negara adalah berkait dengan sektor pelaburan. Pelabur-pelabur di Malaysia khususnya perlu menggunakan peluang keemasan yang terbuka luas di China untuk melabur dalam beberapa sektor di mana Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk berjaya.

Kenyataan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2002 yang menyebut bahawa kemakmuran ekonomi China seharusnya dilihat dengan penuh bersemangat oleh pelabur-pelabur Malaysia (Ramli Dollah, 2004a), merupakan petunjuk jelas bagaimana kerajaan Malaysia menyokong penuh segala usaha untuk melabur di China. Para pemimpin Malaysia sebenarnya, peluang-peluang ekonomi di China ini sejak awal-awal lagi. Oleh itu, menjelang Jun 1993, bekas PM Malaysia, Tun Mahathir Mohamad bertindak memimpin 290 buah delegasi korporat ke Beijing bagi mencari

peluang-peluang baru meneroka pasaran pelaburan di China. Delegasi ini akhirnya berjaya menandatangani 36 MOU bernilai RM$8 bilion dengan China. Ini diikuti oleh lawatan bekas Timbalan PM, Anwar Ibrahim pada September 1994 dan berjaya menandatangani 13 buah projek usahasama (Liow, 2000, Hal. 674.). Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapatnya inisiatif yang bersungguh-sungguh dari kerajaan Malaysia untuk meningkatkan peluang pelaburan Malaysia ke China.

Jika merujuk kepada statistik yang ditunjukkan dalam Jadual 5, didapati bahawa jumlah pelaburan dari Malaysia ke China juga meningkat setiap tahun. Hal yang sama turut berlaku di kalangan negara ASEAN. Jadual di bawah menunjukkan jumlah pelaburan negara-negara Asia Tenggara terpilih ke China untuk tempoh 1991-2002.

Jadual 5: Pelaburan ASEAN ke China 1991-2002 (US$ Juta)

NEGARA	1991-96	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Singapura	6,856	13,533	7,594	13,245	12,464	10,949	7,655
MALAYSIA	5,436	6,323	2,714	3,895	3,788	555	3,203
Thailand	1,964	3,882	7,491	6,091	3,350	3,813	1,068
Filipina	1,226	1,261	1,718	1,345	1,345	982	1,111
Indonesia	2,985	4,678	-356	-4,550	-4,550	3,279	-1,523
Vietnam	1,217	2,587	1,700	1,289	1,289	1,300	1,200

Sumber: Seiichi Masuyama (2004), **The Asian Strategy of Japanese Multinasionals: Focus on China**, Tokyo Club Research Conference, February 9-10 dilayari pada 20 Ogos 2004 di www.brook.edu/views/papers/bosworth

Jika merujuk kepada jadual yang ditunjukkan di atas, didapati jumlah pelaburan Malaysia ke China sejak 1991 juga berada pada kadar tertinggi di kalangan negara ASEAN selepas Singapura. Antara tahun 1991-1996 misalnya, jumlah pelaburan Malaysia berjumlah US$5.4 bilion. Namun sepanjang tempoh 1997-2002, jumlah tertinggi hanya berlaku pada 1997 iaitu US$6.3 bilion dan jumlah terendah berlaku pada 2001 dengan hanya US$555 juta. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh krisis ekonomi yang melanda Asia pada tahun-tahun 1997-2001. Sehingga 2001, Malaysia berada di tangga ke 18 pelabur terbesar di China. Sepanjang Januari hingga –Oktober 2004, Malaysia telah meluluskan beberapa projek pembuatan China di Malaysia melibatkan sejumlah RM108.6 juta berbanding RM76.2 pada 2003. Manakala pelaburan Malaysia di China untuk tempoh Januari-Oktober 2004 berjumlah RM342.0 juta. Ini menunjukkan berlaku peningkatan yang sangat memberangsangkan kerana berlaku peningkatan berbanding keseluruhan tahun 2003 yang dianggarkan hanya berjumlah RM243.0 juta (*Daily Express*, 11 Januari 2005). Namun, secara keseluruhannya, walaupun jumlah pelaburan di kalangan negara-negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia tidak sebanyak jumlah

modal yang ditanam oleh pelabur asing lain, tetapi ia dianggap sangat penting kepada para pelabur Malaysia yang cuba meneroka peluang pelaburan ke negara tersebut.

Selain itu, jumlah pelaburan yang ditunjukkan dalam Jadual 5 hanyalah merupakan data rasmi yang direkodkan, namun jumlahnya dijangkakan lebih tinggi daripada statistik yang ditunjukkan. Ini kerana terdapat di kalangan pelabur yang terdiri daripada "overseas Chinese" dari negara Asia Tenggara termasuk Malaysia melabur ke China melalui Hong Kong dan bukan melalui negara-negara ini (Cheng, 1999). Oleh itu, data yang ditunjukkan hanyalah merupakan sandaran untuk menunjukkan bahawa hubungan pelaburan Malaysia ke China juga mampu membantu peluang ekonomi kepada pelabur-pelabur Malaysia.

Selain itu, beberapa projek telah ditandatangani antara kedua-dua buah negara ini bagi mengeratkan kerjasama dalam bidang pelaburan ini. Pada April 2003 misalnya, Syarikat Malaysia menandatangani perjanjian dengan *Shanghai Municipal Government* untuk melabur lebih kurang US$400 juta untuk mewujudkan kilang membuat chip komputer di China (Yow Cheun Hoe. 2004, Hal. 172.). Hubungan pelaburan ini bertambah mudah disebabkan terdapat sejumlah besar *Overseas Chinese* yang membantu dalam mempromosikan hubungan kedua-dua buah negara ini. Di Malaysia, terdapat beberapa orang Cina yang berjaya misalnya Robert Kuok, yang mempunyai beberapa kontrak pembinaan perumahan, hotel dan sebagainya di Beijing (Jesudason, 1997). Mereka memainkan peranan yang penting dalam membantu mengeratkan kerjasama antara kedua-dua buah negara. Sehingga kini, terdapat beberapa buah syarikat utama Malaysia yang telah menanam modal dan mendirikan operasi mereka di China. Antara syarikat-syarikat tersebut ialah seperti Sime Darby China Ltd (*Paint*), Ramatex Apparel (*Suzhou*) Ltd (*Yard, Fabric and Garment*), Lion Group (*Motor cycles brewery PVC chemicals*), UMW Oilfield Service (*Tianjin*) Co. Ltd (*Rope, threading and buckles*), *Dalian Tianhe Parkson Shopping Centre* (Penjualan), *No 2 Holding Company* (FACB) (*stainless steel pipes*) (Matrade, 2004).

Selain itu, terdapat juga beberapa syarikat perniagaan Malaysia di China yang telah membuka operasi perniagaan melalui sistem francais. Abdullah Badawi semasa lawatan ke China pada Mei 2003 menjelaskan hal ini apabila beliau menyatakan bahawa beberapa syarikat Malaysia seperti *Marry Brown Fried Chicken, Sugar Bun, Dave's Deli* dan *England Optical* telah membuka operasi *franchise* mereka di China (*Daily Express* (Sabah), 29 Mei 2004.). Dengan itu, jelas bahawa hubungan kedua-dua buah negara dalam bidang pelaburan adalah sangat baik. Jadual 6 menunjukkan sektor utama pelaburan Malaysia di China untuk tahun 2003.

Dalam hal ini, para pelabur Malaysia perlu bijak mencuri peluang yang tersedia dalam pasaran di China. Para pelabur perlu melakukan sesuatu untuk memmastikan tahap daya saing mereka bagi membolehkan mereka terus *survive* dalam dunia pelaburan China yang penuh mencabar. Para pelabur Malaysia diingatkan agar bersedia menghadapi cabaran dalam apa juga bentuk yang bakal dihadapi di negara tersebut. Dr.

Jadual 6: Pelaburan Malaysia di China 2003 (US$ Juta)

Sektor	Jumlah	Nilai
Pembuatan	239	736.1
Pertanian, perhutanan, perikanan dan pembiakan haiwan	15	33.2
Pembangunan hartanah	9	30.8
Borong, peruncitan, katering	26	23.3
Penyewaan & perkhidmatan perniagaan	24	20.5
Pengeluaran & pembekalan kemudahan (Elektrik, air dan gas)	9	18.8
Pengangkutan, pergudangan, pos & telekomunikasi	2	6.1
Pembinaan	5	4.3

Sumber : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (2004)

Steve Chu yang bertugas dengan *China Consultants Corp.* sendiri memberi nasihat kepada pelabur Malaysia yang ingin melabur di China agar bersedia dengan undang-undang pelaburan yang terdapat di China yang beliau gambarkan sebagai "*new, fast, many, experimental, inconsistent and inadequate*". Sebab itu, pada tahun-tahun 1990-an, banyak pelabur Malaysia mengalami kerugian yang besar akibat keadaan ini (NST, 15 Disember 2004). Oleh itu, para pelabur Malaysia perlu mengkaji terlebih dahulu iklim pelaburan di China untuk memastikan mereka dapat bersaing dengan pelabur-pelabur lain di negara tersebut. Duta Malaysia ke China, Datuk A.K Majid sendiri menyatakan bahawa "*there are a lot of opportunities awaiting Malaysians in China. Malaysian businessmen have to study the scene and look for new areas that hold potential*" (*NST*, 1 Jun 2003).

Selain itu, Duta Besar China ke Malaysia, Hu Zhengyue yang menggesa agar para pelabur Malaysia menjalankan kajian terlebih dahulu sebelum memulakan perniagaan di China menunjukkan dengan jelas niat sebenar China untuk membantu peniaga Malaysia berjaya dalam perniagaan mereka di China (*NST*, 1 Jun 2003). Dalam hal ini, para usahawan dan pelabur Malaysia patut berusaha memperkenalkan produk-produk baru yang berdaya saing dan diperlukan oleh industri di China.

Selain melihat pelaburan Malaysia di China, perlu bagi kita untuk melihat pelaburan China di Malaysia kerana ini juga dapat menggambarkan hubungan antara kedua-dua buah negara. Dalam hal ini, didapati jumlah pelaburan China ke Malaysia juga sangat mengalakkan. Sehingga 1994 sahaja, terdapat lebih kurang 134 syarikat China yang beroperasi di Malaysia dengan jumlah pelaburan berjumlah US$100 juta (Aileen Baviera, 1999, Hal. 29). Selain itu, pada 2001, China berada di tangga ketiga jumlah pelaburan terbesar di Malaysia (selepas Amerika Syarikat dan Jepun). Bagi tempoh 1997- Ogos

2002, sebanyak 38 buah projek bernilai RM 3.34 bilion (US$879 juta) telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia kepada pelabur-pelabur China. Jadual 7 di bawah menunjukkan jumlah pelaburan China ke beberapa buah negara Asia Tenggara termasuk juga Malaysia dalam aktiviti *non-trading*.

Jadual 7: Pelaburan China ke ASEAN - 5 terpilih dalam *Non-Trading Activities* (hingga 2001)

NEGARA	Jumlah Projek	Nilai Pelaburan (US$ J)	Purata Nilai Pelaburan (US$ J)
Singapura	94	33.0	0.4
Malaysia	82	32.5	0.4
Thailand	154	193.8	1.3
Filipina	32	14.5	0.5
Vietnam	41	56.1	1.4

Sumber : John Wong & Sarah Chan. 2003, China's Outward Direct Investment: Expanding Worldwide, **China: An International Journal, Vol 1, No. 2, Sept.**. Hal. 292-3

Dalam hal ini, para pelabur China lebih cenderung terlibat dalam sektor pelaburan yang bersifat *non-trading activities.*[14] Dalam kes pelaburan China di Malaysia hal yang sama turut berlaku di mana pelaburan China cenderung kepada *non-trading activities*. Manakala para pelabur China yang tertumpu di Hong Kong, banyak terlibat dalam sektor *trading activities*. Ini kerana Hong Kong menyediakan kemudahan yang banyak kepada barangan China yang ingin di eksport keluar negara. Oleh itu, tidak menghairankan, kemudahan seperti pembungkusan, pengangkutan, insuran dan lain-lain (*trading activities*) banyak tertumpu di Hong Kong (Wong & Chan, 2003, Hal. 286-288).

Dalam hal ini, para pelabur dari China memilih beberapa sektor utama dalam pelaburan mereka di Malaysia misalnya industri kertas, percetakan dan penerbitan, besi dan keluli, barangan elektrik dan elektronik, makanan dan lain-lain. Salah satu daripada pelaburan utama syarikat China di Malaysia ialah *China International Water and Electric Corp.*, iaitu kontraktor milik China yang dipertanggungjawabkan untuk menyiapkan empangan Telok Bahang, Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, untuk tahun 2003, China hanya menduduki tempat ke 10 jumlah pelabur utama di Malaysia. Sehingga Mei 2003, terdapat lebih kurang 15 syarikat pembuatan China beroperasi di Malaysia, di mana 80% daripadanya melibatkan projek usaha sama dengan Malaysia. Antara syarikat-syarikat utama China yang beroperasi di

Malaysia adalah seperti Projek Hidro Bakun, *profit point manufacturing* Sdn Bhd (*latex examination gloves*), *White Heron Pharmaceutical Sdn Bhd* (perubatan tradisional China), VC Industrial (M) Sdn Bhd (*Ascorbic Acid*), Lidun (M) Sdn Bhd (*alloy wheel*) dan *Hengdali Industries* Sdn Bhd (Jam tangan).

Perdagangan bebas ASEAN-China

Satu lagi aspek yang boleh dikembangkan dalam hubungan kedua-dua negara adalah melalui Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China. Dalam beberapa mesyuarat ASEAN + 3 yang diadakan, China bersetuju untuk bekerjasama dengan lebih erat lagi ke arah kemakmuran Asia Timur. Semasa Sidang Kemuncak Pertama ASEAN + 3 pada 1997, Presiden China, Jiang Zemin menyampaikan ucapannya bertajuk "*Join Hands in Cooperation and Build a Future Together*". Dalam ucapannya, beliau melihat keberangkalian meningkatkan kerjasama di rantau ini dalam semua bidang. Seterusnya, semasa Sidang Kemuncak Kedua ASEAN + 3 pada 1998, Timbalan Presiden China, Hu Jintao menyatakan kesediaan China untuk membantu negara-negara Asia Tenggara mengatasi krisis ekonomi. Selain itu, dalam Sidang Kemuncak Keenam pada tahun 2002 Perdana Menteri China, Zhu Rongji menyatakan keazaman, pendirian dan keinginan China untuk terlibat dalam kerjasama serantau.[15] Selain mesyuarat di peringkat menteri, mesyuarat di kalangan Menteri Luar juga kerap dijalankan bagi mencari kaedah terbaik ke arah merealisasikan kerjasama ini. Rundingan pertama Menteri Luar ASEAN + 3 misalnya telah berlangsung pada 2000. Seterusnya beberapa lagi siri rundingan di peringkat Menteri Luar telah di adakan antara tahun 2001, 2002, 2003 dan 2004.

Selain itu, bagi menguatkan kerjasama ASEAN-China, diwujudkan pula ASEAN + 1. Kerjasama ini turut menunjukkan tanda-tanda yang positif. Semasa mesyuarat ASEAN-China (ASEAN+1) di Bangkok pada Julai 2000 misalnya, Menteri Luar China, Tang Jiaxuan berkata bahawa lawatan yang kerap antara-kedua-dua entiti ini mampu untuk meningkatkan hubungan yang baik antara ASEAN-China (Ho Khai Leong, 2001, Hal 685). Hasilnya pada November 2001, Perdana Menteri China, Zhu Rongji mengumumkan pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN-China. Cadangan pembentukan FTA ini yang cuba dicapai dalam tempoh 10 tahun akan melibatkan beberapa sektor antaranya pertanian, teknologi, sumber manusia, pelaburan langsung asing (FDI), pembangunan Lembah Mekong dan lain-lain. Jika cadangan ini berjaya, ia merupakan antara blok perdagangan terbesar di dunia dan mampu menyumbang kepada kemakmuran ekonomi rantau ini. Menurut anggaran yang dibuat oleh kumpulan Kerjasama ASEAN-China FTA, penubuhannya kelak akan meningkatkan eksport ASEAN ke China kepada 48% dan menyumbang 0.9% kepada kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN (*Mingguan Malaysia*, 1 September 2002).

Kerangka kerjasama yang ditandatangani pada November 2002 ini menyediakan peluang kerjasama dalam pelbagai bidang. Jika harapan ini terlaksana, maka pasaran di rantau

ini akan mencecah angka 1.7 bilion orang dengan KDNK berjumlah US$2 trilion dengan jumlah perdagangan mencapai angka US$1.23 trilion. Apabila mengulas mengenai hal ini, Presiden China, Hu Jiantao menyatakan bahawa "*what is important for us developing countries is not to compete with one another, but to meet the challenges together through closer cooperation. China is ready to join the ASEAN countries in improving the developing countries' condition in international economic competition*" (Xinhuanet, 20 Mac 2004). Seterusnya semasa pertemuan ASEAN+3 (China, Jepun dan Korea) pada 2003 di Bali, Perdana Menteri China, Wen Jiabao menyatakan bahawa China bakal mengukuhkan lagi kerjasama dalam lima bidang utama iaitu politik, ekonomi, hal-ehwal sosial, isu serantau dan antarabangsa. Dalam hal ini, China memberi jaminan bahawa ia sanggup untuk meningkatkan kerjasama di peringkat pemimpin negara (*China Daily*, 05 Jan 2005). Oleh itu, tidak menghairankan apabila sehingga Januari 2005, didapati sekurang-kurangnya 46 dialog telah dijalankan di pelbagai peringkat dalam 16 bidang termasuk 12 pada peringkat menteri bagi merealisasikan hal ini (*China Daily*, 5 Jan 2005). Kesemua keadaan ini menunjukkan bahawa China sebenarnya ingin menjalin hubungan yang baik dengan negara-negara yang terdapat di rantau ini termasuk dengan Malaysia.[16]

Pelancongan

Di samping itu, bagi mengeratkan kerjasama dalam bidang pelancongan ini, beberapa pakej pelancongan telah diperkenalkan oleh beberapa agensi pelancongan di Malaysia bagi kumpulan pelancong yang ingin ke China. Pada awal 2005 misalnya, beberapa pakej menarik ditawarkan oleh syarikat Reliance antaranya ialah pakej *"The Best of Pearl River Delta"* iaitu lawatan ke beberapa tempat seperti Shenzhen, Dongguan, Guangzhou, Fanyu dan Zhuhai yang dijalankan sepanjang Januari hingga Mac 2005. Selain itu, terdapat juga pakej "Beijing Golden Triangle" iaitu lawatan ke tiga tempat utama di China iaitu Beijing, Tianjin dan Chengde. Selain itu, terdapat beberapa pakej lain misalnya pakej "Beijing Exploration", pakej "Guilin + Liu Sanjie" dan beberapa pakej lain (Ramli Dollah, 2004a).

Di samping itu, satu lagi bidang yang banyak membantu mengeratkan hubungan kedua-dua negara ialah pelancongan. Dalam hal ini, didapati jumlah pelancong China ke negara ini amat tinggi dan ini dapat menyumbang kepada pembangunan industri perlancongan di Malaysia. Oleh itu, negara seharusnya mengambil kesempatan daripada hubungan yang baik ini untuk meningkatkan promosi kehadiran para pelancong China. Data kehadiran pelancong asing ke Malaysia menunjukkan jumlah pelancong China yang datang ke negara ini amat tinggi setiap tahun. Sebagai contoh pada tahun 1999 sahaja, jumlah warga China yang datang melawat ke Malaysia lebih kurang 235,000 orang (Cheng, 2001, Hal. 442). Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan satu angka yang agak kecil berbanding jumlah penduduk keseluruhan China.

Menyedari akan hal ini, kerajaan Malaysia dan sektor swasta seharusnya menggiatkan usaha promosi pelancongan antara kedua-dua buah negara ini untuk menarik sebanyak

mungkin pelancong ke negara ini. Pengumuman oleh Menteri Pengangkutan China, Yang Yuanyuan, pada Disember 2002 untuk memberi lebih banyak ruang kepada pengangkutan udara dari Malaysia ke China merupakan peluang yang harus direbut oleh para peniaga dari Malaysia terutamanya yang terlibat dalam sektor pelancongan yang menjanjikan keuntungan besar jika dieksploitasi sebaik mungkin.[17] Peluang ini harus direbut dan diterokai oleh peniaga Malaysia bagi mendapatkan keuntungan semaksima mungkin. Dalam hal ini, MAS, agensi penerbangan utama di Malaysia seharusnya merebut peluang ini bukan sahaja untuk tujuan keuntungan semata-mata, tetapi ia juga secara tidak langsung akan mengeratkan lagi hubungan kedua-dua buah negara ini.

Pada September 2003, *Malaysian Airlines System* (MAS), iaitu syarikat utama penerbangan Malaysia melaporkan bahawa syarikat penerbangan tersebut akan meningkatkan penerbangan dari China sempena sambutan Tahun Baru Cina. Antara bandar-bandar utama adalah seperti Xian, Wuhan, Chengdu, Shenyang dan beberapa bandar lain.[18] Usaha tersebut dilihat sebagai satu tindakan bijak ke arah menarik dan mempromosikan Malaysia di kalangan pelancong China. Jadual 8 menunjukkan jumlah pelancong China yang melawat negara ini dari tahun 1997-2003.

Jadual 8: Jumlah pelancong China Ke Malaysia

Tahun	Jumlah
1997	158,679
1998	159,852
1999	190,851
2000	425,246
2001	453,246
2002	557,647
2003	350,597

Sumber: Jabatan Imigresen, 2004

Bagi mengeratkan dan meningkatkan jumlah pelancong China ke negara ini, Duta Malaysia ke China, Datuk A.K Majid pada 2004 menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan telah mendirikan cawangan untuk tujuan promosi di Shanghai, Beijing dan Guanghzou (*NST*, 26 Mei 2004). Selain itu, beberapa usaha promosi juga dilihat sebagai langkah awal Malaysia ke arah mengukuhkan hubungan pelancongan kedua-dua buah negara ini. Salah satu promosi yang dilihat berjaya menarik pelancong China ke Malaysia adalah melalui promosi sejarah. Hal ini dilakukan oleh kerajaan Malaysia

dengan beberapa cara dan salah satu daripadanya adalah mengadakan promosi sambutan 30 tahun hubungan Malaysia-China, menjadikan bandar Melaka sebagai pusat tarikan dan beberapa pendekatan lain.

ISU DALAM HUBUNGAN EKONOMI

Pembangunan ekonomi China banyak memberikan keuntungan kepada negara di rantau ini termasuk Malaysia. Di sebalik tempias ekonomi dan pengakuan bahawa perkembangan ekonomi China sebagai enjin pecutan ekonomi yang lebih deras kepada negara-negara Asia, negara-negara ini sebenarnya masih bimbang dengan pengaliran keluar sejumlah besar FDI dari rantau ini ke negara China. Ia merupakan impak negatif yang paling ketara akibat pelaksanaan reformasi ekonomi di China yang membawa kepada kehilangan daya saing dalam aspek buruh, pasaran dan kos pengeluaran di rantau ini berbanding China.

Keadaan ini memang jelas dan tanda-tanda awal mengenai hal ini telah wujud sejak awal pelaksanaan reformasi ekonomi di negara China. Pada awal 1990-an misalnya, daripada 60% jumlah FDI yang memasuki negara-negara Asia, 20% daripadanya memasuki China. Tetapi angka ini mengalami perubahan yang besar pada hari ini kerana 80% jumlah FDI yang memasuki negara-negara Asia akan ke negara China. Hasilnya, sejak tahun 1996 hingga 2000, jumlah FDI ke negara ASEAN jatuh hampir 41% (Ramli Dollah, 2003). Lebih membimbangkan lagi apabila syarikat-syarikat yang sememangnya telah melabur di negara-negara ini cuba untuk mengurangkan jumlah pelaburan mereka dan menarik sebahagian daripada modal tersebut ke negara China. Pada tahun 2000 misalnya, beberapa syarikat Multinasional (MNC) seperti Motorola dilaporkan telah mengumumkan akan melabur dalam industri *semi-conductor* di China (Ramli Dollah, 2004). Keadaan ini sangat membimbangkan negara ASEAN termasuk Malaysia yang mungkin akan mengalami masalah besar sekiranya pelabur-pelabur luar ini menarik atau mengurangkan pelaburan mereka keluar dari negara tersebut. Jadual 9 menunjukkan perbandingan pengaliran FDI ke beberapa negara terpilih.

Jadual 9: Pengaliran masuk & keluar FDI beberapa negara (US$ Juta)

Tahun	**1997**		**1998**		**1999**		**2000**	
Negara	***Masuk***	***Keluar***	***Masuk***	***Keluar***	***Masuk***	***Keluar***	***Masuk***	***Keluar***
Taiwan	2,248	4,449	222	4,740	2,926	4,198	4,928	4,999
Korea S.	2,844	5,243	5,412	3,836	9,333	4,420	9,283	6,701
Indonesia	4,677	447	-356	123	-2,745	344	-4,550	52
Thailand	3,626	9,465	5,143	795	3,561	4,277	2,813	4,966

(sambungan)

Tahun	1997		1998		1999		2000	
Negara	***Masuk***	***Keluar***	***Masuk***	***Keluar***	***Masuk***	***Keluar***	***Masuk***	***Keluar***
Singapura	10,746	178	6,389	44	11,803	72	5,407	150
Filipina	1,249	136	1,752	160	578	30	1,241	107

Sumber: Ubahsuai daripada UN Conference on Trade & Development dilayari pada 30 Disember 2004 di www.unctad.org.

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa buah negara di rantau ini yang mengalami penurunan kemasukan FDI dari setahun ke setahun. Indonesia dilihat sebagai negara yang mengalami masalah yang teruk apabila mengalami pengurangan FDI setiap tahun. Dalam konteks Malaysia, hal sama turut berlaku kerana kebimbangan mengenai pengaliran ini tetap ada. Malaysia dalam hal ini perlu melihat keadaan ini dengan berhati-hati kerana trend pengaliran keluar ini menunjukkan satu keadaan yang agak membimbangkan. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut mengakui tentang perkara yang sama sambil menasihatkan agar keadaan ini dilihat sebagai pemangkin kepada peningkatan pelaburan yang lebih tinggi di negara ini. Menurut beliau, pengaliran keluar FDI ke China harus dilihat sebagai satu cabaran untuk berkembang lebih maju. Oleh itu, negara harus menggunakan sepenuhnya sumber dan tabung yang ada untuk menyaingi China. Menurut beliau, negara harus kurang bergantung dengan FDI dan lebih bergantung kepada sumber tempatan (Ramli Dollah, 2003). Dengan itu, kebergantungan kepada FDI tidak terlalu mendesak dan negara tidak akan menghadapi masalah apabila isu keluar/masuk FDI ini ditimbulkan. Jadual 10 menunjukkan perbandingan jumlah pelaburan yang masuk/keluar di Malaysia dan China untuk tahun 1998-2002.

Jadual 10: Perbandingan (keluar/masuk) FDI Malaysia & China (US$Juta)

NEGARA	STATUS	1995	2000	2001	2002	2003
China	FDI Masuk	37,520.53	40,714.81	46,877.59	52,742.86	53,505
	FDI Keluar	2,000	916	6,884	2,518.41	1,800
HK, China	FDI Masuk	6,213.363	61,939.3	23,775.3	9,681.982	13,560.86
	FDI Keluar	25,000	59,375.3	11,344.5	17,463.19	3,769.352
Malaysia	FDI Masuk	5,815	3,787.632	553.9474	3,203.421	2,474
	FDI Keluar	2,488	2,026.1	266.8	1,904	1,369.5

Sumber: Petikan dari UN Conference on Trade & Development dilayari pada 30 Disember 2004 di www.unctad.org.

Berdasarkan Jadual 10, jelas bahawa kemasukan FDI ke negara ini semakin berkurangan, daripada US$3.2 bilion pada tahun 2002 kepada US$2.4 bilion pada 2003. Hal ini jauh berbeza dengan keadaan yang dialami oleh China di mana pada tahun 2002, jumlah kemasukan FDI adalah US$5.2 bilion dan meningkat kepada US$5.3 bilion pada 2003. Tetapi jika melihat kepada jumlah FDI yang keluar adalah sangat kecil bagi China dan bagi Malaysia keadaannya sangat membimbangkan. Oleh itu, tidak menghairankan berlaku kebimbangan di kalangan negara-negara ini termasuk Malaysia dengan keadaan yang berlaku ini.

Satu lagi masalah besar dalam hubungan dagangan China-Malaysia adalah jumlah import barangan pembuatan Malaysia dari negara China. Dalam hal ini, ramai penganalisa melihat keadaan ini sebagai satu kerugian kepada negara kerana ianya secara tidak langsung akan "membunuh" industri-industri pembuatan yang terdapat di negara ini (Roy, 2002, Hal. 3). Ini kerana, industri-industri ini pasti tidak dapat bersaing dengan barangan China yang dilihat lebih kompetitif berbanding barangan tempatan. Lebih buruk lagi apabila membincangkan masa depan Industri Kecil dan Sederhana (SMI) di negara ini yang mungkin tidak mampu bersaing dengan barangan China yang dilihat lebih murah dan berkualiti berbanding barangan tempatan (Fox, 2004, Hal. 132). Di samping itu, jika keadaan ini berterusan, ia bukan sahaja akan menyebabkan pengecilan atau mungkin penutupan industri-industri ini, tetapi pada masa yang sama akan sekaligus meningkatkan jumlah pengangguran di negara ini. Kesannya amat besar, kerana hal ini pastinya mengundang satu masalah yang besar kepada negara jika hal ini benar-benar terjadi. Oleh itu, sesuatu perlu dilakukan kerana membiarkan keadaan ini berlaku bererti membunuh industri-industri tempatan yang sangat lemah dari segi daya saing dan kemampuan modal.

Melihat kepada masalah-masalah ini, tidak menghairankan apabila para pemimpin Malaysia menggesa para peniaga dan pelabur Malaysia agar meningkatkan lagi kemampuan mereka untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Hal ini dapat dilakukan dengan cara memajukan beberapa sektor yang mampu bersaing dengan industri-industri lain di peringkat global. Selain itu, para peniaga Malaysia juga perlu memperkenalkan barangan baru yang mempunyai potensi yang besar untuk bersaing dan mampu menembusi pasaran China. Dalam sektor pelaburan, para pelabur harus melihat pengaliran FDI ke China sebagai cabaran utama kepada ekonomi negara. Dalam usaha menarik pelabur luar ke Malaysia, kerajaan harus bersedia untuk memberikan beberapa kelebihan dan kemudahan seperti meningkatkan kemudahan infrastruktur, kewangan, perbankan, pengurusan dan pentadbiran serta kelebihan-kelebihan lain bagi menarik pelabur asing datang ke negara ini di samping menguatkan terlebih dahulu industri di Malaysia bagi membolehkan mereka ini bersaing dengan barangan buatan asing.

KERJASAMA MALAYSIA-CHINA DAN KEPENTINGAN NASIONAL MALAYSIA

Faktor kepentingan nasional merupakan asas kepada Malaysia dalam membincangkan hubungan kedua-dua buah negara ini dalam konteks yang lebih luas. Dalam hal ini,

terdapat beberapa isu di mana Malaysia dan negara-negara lain mempunyai beberapa agenda yang belum selesai dengan negara China. Isu ekonomi, isu keselamatan sama ada yang melibatkan isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan, isu pembangunan ketenteraan, isu ketelusan China dalam pembangunan tenteranya, isu provokasi dan tindakan ketenteraan China ke atas negara-negara lain dan beberapa isu lain merupakan antara beberapa contoh bagaimana Malaysia dan negara-negara serantau mempunyai persepsi negatif ke atas China.[19] Dengan kata lain, "Teori Ancaman China" yang sering dilaung-laungkan oleh negara-negara ini ada kebenarannya berdasarkan kepada isu-isu yang berlaku. Kebimbangan mengenai ancaman China ini disuarakan sendiri oleh pegawai-pegawai tentera Malaysia yang menyebut China sebagai kuasa komunis mempunyai *"potentially capable of posing a major strategic threat to the region"*. Ini lebih-lebih lagi apabila melihat pembangunan tentera China yang bergerak daripada bercirikan defensif kepada berkonsepkan offensif (Acharya, 2002, Hal. 200).

Selain itu, pengalaman China menguruskan konflik di Laut China Selatan terutamanya di Kepulauan Spratly juga menjadi sebab kebimbangan ini. Pengalaman lepas jelas membuktikan bahawa China mampu melakukan tindakan seperti itu. Pada 1974 misalnya, Beijing menggunakan kekuatan tenteranya merampas dan menghalau tentera Vietnam Selatan dari Paracel dan menceroboh Pulau Robert serta menghalau keluar tentera Vietnam. Pada Mac 1988, tentera laut China bertembung dengan kapal bantuan tentera Vietnam dan akibatnya lebih kurang hampir 72 orang tentera Vietnam mati dalam pertembungan ini (Godwin, 1996, Hal. 89). Selain itu, pada 1995, China juga dikatakan menjalankan aktiviti provokasi di kawasan Spratly dengan mendirikan struktur kekal sehingga menimbulkan kemarahan Filipina (Ramli Dollah & Ahmad Tajuddin Mohd. Said., 2004). Ini secara tidak langsung melanggar *ASEAN Declaration on the South China Sea* pada 1992 antara China dan ASEAN. Bukan setakat itu, sejak Mac 1992, *National People Congress* di China meluluskan undang-undang wilayah (*territorial law*) ke atas Spratly. Ini secara tidak langsung membenarkan PLAN menggunakan kekerasan untuk melindungi kedaulatan negara tersebut di Spratly (Mohamed Nazri Dashah, 1998, Hal. 83).

Oleh itu, awal pasca Perang Dingin, Malaysia berada dalam keadaan dilema berhadapan dengan tuntutan China ke atas kawasan yang dimiliki oleh Malaysia sehinggakan pada 1992, Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia, Tan Sri Yaacob Zain pernah menyatakan bahawa *"even though we do not have the capability to go to war with China in view of its military strength, we'll try to defend our right as far as we are able to"* (Ramli Dollah, 2004a, dipetik dari *Straits Times*, 4 Mac 1992). Kenyataan beliau ini jelas menunjukkan bahawa selepas tamatnya perang dingin, negara masih berasa khuatir dengan kehadiran China di Laut China Selatan.

Selain itu, walaupun ASEAN telah berusaha mengurangkan tekanan ini melalui persetujuan *ASEAN Declaration on the South China Sea* pada 1992 dan pelaksanaan *Code of Conduct* (kod tatalaku) di Laut China Selatan pada 2002 serta beberapa usaha lain misalnya penyelidikan bersama, pengawalan pencemaran dan penyertaan China dalam Bengkel Laut China Selatan namun, kesemua ini hanya bertujuan membincangkan

masalah yang timbul dan mencari jalan penyelesaian terbaik. Kelemahan regim ini ialah negara bebas dan tidak dipaksa untuk mematuhi persetujuan yang dicapai.[20] Oleh itu, usaha-usaha yang dijalankan ini hanya mampu untuk mengekalkan *status-quo* bagi tempoh yang singkat (Ramli Dollah, 2004a). Keadaan bertambah rumit apabila China sering kali menunjukkan sikap *double standard* dalam menjaga kepentingannya di kepulauan tersebut. Pada Mei 1992 misalnya, China memberikan konsesi di *Vanguard Bank* (*Wan'an Bei-Zi*) kepada Syarikat *Crestone Energy Cooperation* dari Amerika Syarikat untuk tujuan penerokaan minyak dan gas asli. Namun, China menentang tindakan Filipina yang memberi konsesi kepada Syarikat dari Amerika Syarikat pada tahun-tahun 1970-an, 1980-an dan 1994 (Ramli Dollah & Ahmad Tajuddin Mohd. Said. 2004). Sikap China ini jika dibiarkan berterusan sebenarnya hanya mengundang konflik di rantau ini.

Akibat keadaan yang berterusan ini, hasilnya semasa lawatan Menteri Luar Malaysia, Syed Hamid Albar pada Mei 2000 dan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir ke Beijing pada Ogos 2000, pertemuan diadakan dengan rakan sejawat mereka di China bagi membincangkan hal ini. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa kesemua negara yang menuntut Kepulauan Spratly seharusnya "mengelakkan segala penglibatan dan campur tangan pihak luar" (*East Asian Strategic Review*, 2000, Hal 213). Kesemua isu ini dan beberapa contoh lain[21], merupakan contoh jelas bagaimana negara-negara ini mengiakan "Teori Ancaman China" yang sememangnya bukan suatu yang mitos atau sengaja dibuat-buat oleh pihak barat. Namun, kesemua isu ini cuba diselesaikan oleh Malaysia melalui jalan penyelesaian yang terbaik dan berdiplomasi untuk kepentingan bersama.

Tindakan Malaysia berbuat demikian disebabkan Malaysia sedar bahawa kepentingan nasional Malaysia melebihi segalanya. Dalam hal ini, Malaysia menyedari tentang kemampuan gergasi baru ekonomi dunia tersebut perlu dilihat sebagai rakan dan bukannya sebagai ancaman untuk mengelakkan Malaysia terasing daripada pembangunan ekonomi dunia (Abd. Ghani Yunus. 1995, Hal. 16-17). Oleh itu, jelas bahawa segala andaian yang mengaitkan China dengan ancaman sama ada ekonomi atau ketenteraan cuba dinafikan sekeras-kerasnya untuk tujuan kepentingan ekonomi negara ini.

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad misalnya pernah menyatakan negara di Asia Tenggara termasuk juga Malaysia masih boleh mendapatkan keuntungan daripada ekonomi global hari ini. Hal ini disandarkan kepada dua keadaan, pertama, negara-negara di rantau Asia Tenggara mempunyai kedudukan geografi yang baik, mempunyai pekerja mahir dan rajin, iklim pelaburan yang baik, dan kestabilan politik yang berterusan. Kedua, negara Asia Tenggara boleh mengikut pendekatan negara Eropah dengan mendapatkan pasaran menggunakan jenama berprestij.[22] Hujah ini diperkukuhkan lagi apabila Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Jun 2002 menyatakan China yang menjadi ahli WTO sepatutnya menjadi enjin pertumbuhan ekonomi rantau ini. Oleh itu, kesemua pihak harus mengambil

kesempatan ini untuk berkongsi pembangunan dan keamanan yang dikecapi China (*Daily Express* (Sabah), 4 Jun 2002).

Dengan kata lain, Malaysia seboleh mungkin tidak inginkan isu-isu yang sensitif dan mewujudkan ketidakharmonian hubungan bilateral yang boleh menghalang kerjasama ekonomi kedua-dua buah negara. Walaupun Malaysia agak bimbang dengan ancaman dari China di rantau ini dalam jangka masa panjang, namun Malaysia perlu mengakui kebangkitan ekonomi China sangat penting bagi Malaysia dan ini telah dibuktikan dalam beberapa keadaan terutamanya semasa berlakunya krisis ekonomi Asia pada 1997. Oleh itu, Malaysia perlu meletakkan kepentingan ekonomi ini melebihi kepentingan politik. Disebabkan hal ini, para pemimpin Malaysia seboleh-bolehnya tidak ingin membangkitkan isu yang menghalang kerjasama ini. Di samping itu, para pemimpin Malaysia juga cuba untuk menafikan ancaman yang datang dari China. Oleh itu, lawatan Dato' Seri Abdullah Badawi pada Mei 2004 adalah untuk menjelaskan kepentingan hubungan bilateral antara kedua-dua buah negara serta dan menjelaskan bahawa parameter kerjasama ini perlu dikembangkan dan diperluaskan lagi meliputi bidang-bidang lain (*Daily Express (Sabah)*, 4 Jun 2002). Keadaan ini turut menjelaskan bahawa Malaysia menganggap bahawa peranan China amat penting dalam beberapa bidang dan oleh itu, tidak hairanlah para pemimpin negara ini cuba menidakkan ancaman yang diwujudkan oleh China dalam bidang ekonomi, ketenteraan dan sebagainya.

Selain itu, Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia semasa berucap pada Disember 2004 di satu majlis Pertunjukan Import Komoditi China di Kuala Lumpur mengakui bahawa kenyataan China sebagai ancaman di rantau ini adalah tidak benar. Di samping itu, beliau turut mengakui bahawa kemakmuran ekonomi China akan memberikan kesan kepada kestabilan dan keamanan dunia keseluruhannya (*China Daily*, 30 Disember 2004). Kesemua keadaan ini menjelaskan hipotesis awal penulis bahawa faktor ekonomi sebagai faktor paling utama dalam menentukan keadaan hubungan bilateral ini. Dengan kata lain hubungan ekonomi mampu meneutralkan isu-isu lain dalam hubungan Malaysia-China.

KESIMPULAN

Kesemua keadaan ini menjelaskan bahawa faktor kepentingan negara dalam bidang ekonomi ini sangat penting dalam menentukan dasar yang dijalankan oleh Malaysia terhadap China. Oleh itu, tidak menghairankan walaupun wujud beberapa isu berbangkit sama ada di bidang ekonomi ataupun sebagainya, Malaysia seboleh-bolehnya cuba mendiamkan hal ini dan masih dengan pendirian bahawa China sebagai agen dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menganggap peranan China sangat penting di rantau ini. Walau bagaimanapun, dalam hal ini walaupun faktor ekonomi dilihat banyak menyumbang kepada kepentingan negara, namun perlu diingatkan bahawa Malaysia perlu juga mengamalkan atau membentuk satu mekanisme kawalan dalam memastikan bahawa kesan buruk yang dihadapi oleh Malaysia dalam bidang ekonomi

akibat daripada pembangunan ekonomi China dapat dikurangkan untuk tujuan kepentingan masyarakat umumnya.

NOTA HUJUNG

[1] Artikel ini adalah berdasarkan ubah suai dan penambahbaikan kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Sejarah Malaysia, Universiti Malaya, 23-25 Ogos 2004 bertajuk '**Hubungan Malaysia-China dari Perspektif Ekonomi 1990-2004**'.

[2] Mao Zedong berjaya mengusir golongan nasionalis ke Taiwan (Republic of China) pada 1949.

[3] Abdullah Ahmad mengulangi dasar anti-Komunis yang dimulakan oleh Tengku Abdul Rahman. Lihat Abdullah Ahmad (1985, Hal. 4).

[4] Walaupun hubungan diplomatik ini telah terjalin, namun China tidak pernah melupakan tanggungjawabnya kepada PKM. Sila lihat Leonard Sebastian (1991, Hal. 277-278).

[5] Deng Xiaoping pada 1978, Menteri Luar, Wu Xueqian (1984), Presiden Yang Shangkun (1990 dan 1992), Li Peng (1990 dan 1997), Menteri Luar, Qian Qichen (1991), Pengerusi NPC, Qiao Shi (1993), Menteri Luar, Tang Jiaxuan (1998), Presiden Jiang Zemin (1994, 1997 dan 1998), Naib Presiden, Hu Jintao (2002), Naib Pengerusi NPC, Jiang Chunyan (2002), Timbalan Perdana Menteri (TPM), Li Lanqing (2003) dan beberapa delegasi lain. Bagi lawatan delegasi pemimpin Malaysia ke China pula adalah seperti Sultan Azlan Shah (1990 dan 1991), Tuanku Ja'afar (1997), Sultan Salahuddin (2001), bekas Perdana Menteri (PM), Tun Mahathir Mohamad (1985, 1993, 1994, 1996, 1999 dan 2001), Ghafar Baba (1987), Anwar Ibrahim (1994), Menteri Luar, Syed Hamid Albar (1999) dan PM, Abdullah Ahmad Badawi semasa menjadi Menteri Luar (1992 dan 1997) dan semasa menjadi TPM pada September 2003 dan semasa menjadi Perdana Menteri (2004).

[6] Antara perjanjian utama yang telah ditandatangani oleh kedua-dua buah negara ini ialah seperti Kerjasama Kebudayaan (Oktober 2000), Pertukaran Kebudayaan (November 1999), Sukan (September 1993), Kerjasama Sains dan Teknologi (Julai 1992), Perkhidmatan Udara (Mac 1989), Perdagangan Bilateral (April 1988), Jaminan Pelaburan (November 1988), Pengangkutan Maritim (September 1987), *Avoidance of Double Taxation* (November 1985) dan beberapa perjanjian lain. Manakala MOU antara kedua-dua negara ini misalnya Kerjasama Pendidikan pada Jun 1997 dan MOU untuk bidang Infomasi pada Mac 1992 dan beberapa MOU lain.

[7] Misalnya pada 1992 GDP bagi negara China ialah 12.8% dan 13% pada 1993. Sila lihat Lai Yew Meng (1999, Hal. 29).

[8] Dalam perlaksanaan dasar ekonomi ini, pelbagai usaha dijalankan misalnya mengurangkan karenah birokrasi, campurtangan dalam hal yang melibatkan kepentingan ahli politik lain dan beberapa perubahan besar di bidang tersebut. Akhirnya dasar ini berjaya dilaksanakan untuk tempoh yang singkat. Sila lihat McKenney (1993, Hal. 8) dan Wu Xinbo (1998, Hal. 122).

[9] Proses penerimaan ke dalam GATT telah melalui proses yang panjang. Bermula 1989, rundingan terputus akibat berlakunya peristiwa Tiananmen dan rundingan disambung tujuh bulan kemudiannya. Pada 1994, rundingan gagal untuk menerima China menjadi ahli WTO (menggantikan GATT). Pada 1997 Krisis Ekonomi melanda Asia, namun China meneruskan rundingan. Pada 1998, China diterima ke dalam WTO dengan status pemerhati. Pada 1999, China menghentikan rundingan akibat pengeboman kedutaan China di Belgrade, Yugoslavia. Pada 2000, China-EU menandatangani perjanjian dua-hala. Pada September 2001, China menandatangani perjanjian kerjasama dua hala terakhir dengan Mexico (rakan dagangan terbesar China) dan diterima masuk dalam WTO pada 11 Disember 2001 (Ramli Dollah. 2003).

[10] Idea pembentukan ASEAN + 3 ini akan meliputi negara-negara ASEAN, Korea Selatan, Jepun dan China. Namun, jika ditinjau dari perspektif yang lebih luas, ia bermula apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas PM Malaysia memperkenalkan idea EAEC/ EAEG pada awal 1990-an yang kemudiannya direalisasikan melalui pembentukan ASEAN + 3. Sila lihat Markus Hund (2003, Hal. 383–417, Ali Alatas (2001) dan Richard Stubbs (2002, Hal. 440-455).

[11] Ia merupakan pertubuhan yang telah ditubuhkan sejak 1993. Ia mempunyai visi dan komitmen untuk mengembangkan kerjasama antarabangsa, kepimpinan dan pemikiran strategik.

[12] China juga tidak senang dengan APEC kerana ia seolah-olah melaksanakan polisi '3 China' yang meliputi Hong Kong, Taiwan dan China sendiri. Sila lihat Liow (2000, Hal. 676-677).

[13] Sila lihat Buku Laporan Perangkaan Malaysia 2002.

[14] Merujuk kepada aktiviti seperti pembuatan (*processing and assembling*), pembangunan sumber (seperti carigali dan perhutanan) dan penglibatan dalam projek-projek pembinaan. Manakala *trading activities* merujuk kepada aktiviti berorentasikan perkhidmatan.

[15] Sehingga kini, sidang kemuncak pemimpin negara ASEAN + 3 telah berlangsung beberapa kali. Sidang kemuncak pertama telah berlangsung pada Disember 1997 di Kuala Lumpur, Malaysia. Dalam pertemuan ini, para pemimpin ASEAN dan tiga buah negara ini bersetuju ke arah pembangunan Asia Timur pada abad 21, kerjasama dan pembangunan di rantau ini. Sidang Kemuncak Kedua berlangsung pada Disember 1998

di Hanoi, Vietnam. Dalam pertemuan ini, para pemimpin ini bersetuju menguatkan kerjasama dan bertindak mengatasi masalah krisis ekonomi dan memastikan kestabilan rantau ini. Sidang ketiga berlangsung pada November 1999 di Manila, Filipina dengan menggariskan kerjasama Asia Timur. Sidang keempat pada November 2000 di Singapura. Dalam pertemuan ini, para pemimpin bertukar-tukar pendapat untuk membangunkan Asia Timur. Pertemuan kelima berlaku pada November 2001 dan membincangkan *East Asia Prospect Group Report* dan bertukar-tukar pendapat untuk menguatkan kerjasama dan komunikasi dalam pelbagai bidang. Pada sidang kemuncak keenam pada November 2002 di Phnom Penh, Kemboja, China bersetuju untuk mengeratkan kerjasama dengan negara-negara ini. Sidang kemuncak ketujuh pada Oktober 2003 di Bali Indonesia, dan membincangkan beberapa isu serantau dan antarabangsa seperti politik, keselamatan, ekonomi dan lain-lain. Sidang kemuncak ASEAN + 3 yang kelapan diadakan pada November 2004 dan sekali lagi China menunjukkan komitmennya ke arah pembentukan FTA ini. http://news.xinhuanet.com/english/2004-11/29/ dan http://www.aseansec.org (5 Januari 2005).

[16] Selain itu, rundingan ASEAN+3 di peringkat Menteri Luar sering diadakan antara para pemimpin ini. Rundingan Pertama Menteri Luar ASEAN + 3 telah dijalinkan pada 2000. Seterusnya beberapa lagi siri rundngan telah diadakan iaitu pada 2001, 2002, 2003 dan 2004.

[17] Pembukaan ruang udara ini dianggarkan akan meningkatkan sehingga 50% hubungan duahala, pelaburan dan pelancongan antara China-Malaysia (*The Star*, 18 Dis. 2002).

[18] Daripada statistik yang diperolehi pada 7 bulan pertama tahun 2003, didapati jumlah pelancong ke Malaysia hanya berjumlah 5.3 juta orang berbanding 7 juta untuk tempoh yang sama tahun sebelumnya. Ini kerana krisis SARS yang melanda rantau Asia yang membunuh berpuluh-puluh orang. (Yow Cheun Hoe, 2004, Hal. 180).

[19] Untuk lebih lanjut sila lihat Ramli Dollah (2004a).

[20] Namun, tindakan China menandatangani Treati Kerjasama dan Persahabatan (TAC) yang ditandatangani oleh negara ASEAN sejak 1976 dan persetujuan ke arah ***Plan of Action to Implement the Joint Declaration on ASEAN-China Strategic Partnership for Peace and Prosperity*** semasa berlangsungnya sidang Kemuncak Ketujuh ASEAN-China pada 8 Oktober 2003 di Bali, Indonesia merupakan petunjuk awal China inginkan kemakmuran dan kestabilan berkekalan di rantau Asia. Maklumat lanjut, lihat http://www.aseansec.org (6 Januari 2005)

[21] Untuk lebih lanjut sila lihat Ramli Dollah, 2004a.

[22] Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan oleh Tun Mahathir ini hanya merujuk kepada negara-negara tertentu sahaja seperti Malaysia dan Singapura. Oleh itu, ini secara tidak langsung mengesahkan bahawa wujud ancaman kepada negara-negara lain akibat pembangunan ekonomi China ini. Lihat Denny Roy (2002).

RUJUKAN

Abd. Ghani Yunus 1995. **The Malaysia Armed Forces and Vision 2020**, dalam Abd Razak Baginda & Rohana Mahmood (Eds), **Malaysia's Defence and Foreign Policy**, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Abdullah Ahmad. 1985. **Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963-1970**, Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Abeysinghe, T. 2003. China as an economic powerhouse: implications on its neighbours. **China Economic Review, 14**. Hal. 164–185

Acharya, A. 2002. **ASEAN, The US and the "Conditional Engagement" of China**, di dalam Armitav Acharya (Ed.), **Regionalism and Multilateralism: essay on cooperative security in the Asia Pacific**, Singapore: Time Academic Press.

Ali Alatas 2001. **"ASEAN Plus Three" Equals Peace Plus Prosperity,** Jan., No. 2, ISEAS: Singapore.

Baviera, A. 1999. "China's relations with Southeast Asia: political security and economic interests", **PASCN Discussion Paper**, No. 99-17, Philippine.

Buku Laporan Perangkaan Malaysia 2002, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Cao. R. 2000. "Vision of Security of The Asian–Pacific Region", **ACDIS Occasional Paper,** Program in Arms Control, Disarmament & International Security, University of Illinois at Urbana–Champaign, August.

Cheng, J. Y. S. 2001. "Sino-ASEAN Relations in the Early twenty first century", **Contemporary Southeast Asia, Vol. 23, No. 3, Dec.** Hal. 420-450.

Cheng, J. Y. S. 2004. "The ASEAN-China Free Trade Area: Genesis and Implication", **Australian Journal of International Affairs, Vol. 58, No. 2, June**, Hal. 257-277.

Conable B. Jr., & Lampton, D. 1992. "China: The Coming Power", **Foreign Affairs, Winter, Vol. 71, Issue 5.** Hal. 133-149

East Asian Strategic Review 2000. National Institute for Defense Studies, Japan.

Fox M. S. 2004. "Southeast Asia and China: The Role of History an Culture in Shaping Future Relations", **Contemporary of Southeast Asia, Vol. 26, No. 1**. Hal. 116-139.

Ganesan. N. (2000). Asean's Relations with Major External Powers, **Contemporary Southeast Asia, August, Vol. 22, Issue 2**. Hal. 256-278.

Godwin, P. H. B 1996. "Force Projection & China's National Military Strategy", dalam C. Deninson Lane, Mark Weisenbloom *et al.* (Eds.), **Chinese Military Modernization**, The AEI Press, Washington DC.

Ho Khai Leong. 2001. "Rituals, Risks and Rivalries: China and ASEAN in the Coming decades", **Journal of Contemporary China, 10 (29).** Hal. 683–694.

Hund, M. 2003. "ASEAN Plus Three: towards a new age of pan-East Asian regionalism? A skeptic's appraisal", **The Pacific Review, Vol. 16 No. 3.** Hal. 383–417.

Jabatan Imigresen 2004 (Maklumat Tidak Diterbitkan)

Jesudason, J V. 1997. "Chinese Business and Ethnic Equilibrium in Malaysia", **Development and Change, Vol. 28. Hal.** 119-141

Lai Yew Meng. 1999. "China and East Asia Security in the Post Cold War era", **Kertas Kadangkala Bil. 1,** Sabah: UMS, 1999.

Lim Chee Hau. 2004. **Hubungan Malaysia China**, Latihan Ilmiah, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah

Liow, J. C. Y. 2000. "Malaysia-China Relations in the 1990s: The Maturing of Partnership", **Asia Survey, Vol. XL, No. 4, July/Aug**. Hal. 672-691.

Matrade 2004 (Tidak Diterbitkan).

McDougall, D. 1997. **International Politics of the New Asia Pacific**. Singapore: ISEAS.

McKenney, K. I. (1993), **An Assessment of China's Special Economic Zones**, Executive Research report, No. S94, The Industrial College of the Armed Forces, Washington: National Defense University.

Mohamed Nazri Dashah. (1998). "China's Policy Towards South China Sea Disputes", **The Malaysian Armed Forces Haigate Papers, Vol 5.** Hal. 77-92

Montaperto, R. (2004), Smoothing the Wrinkles, **Comparative Connections: An E-Journal on East Asian Bilateral Relations**. Di layari pada 1 Ogos 2004. di www.csis.org.

Ramli Dollah & Ahmad Tajuddin Mohd. Said .2004. "Kepentingan Nasional Dan Keselamatan Maritim Di Laut China Selatan", **Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, Jilid 1, Bil. 3, Jun**, Kuala Lumpur: DBP, Hal. 83-125.

Ramli Dollah.2003. "Persepsi Malaysia Terhadap China: Rakan, Cabaran atau Ancaman". **Jurnal Pemikir, Bil 34, Oktober-Disember**, Hal. 83-124.

Ramli Dollah. 2004. "Meninjau 30 Tahun Hubungan Malaysia-China", **Dewan Budaya**, DBP: Kuala Lumpur, Mac. Hal. 54-56, 64.

Ramli Dollah. 2004a, **Isu-isu Penting Hubungan Malaysia China 1990-2004**, kertas kerja yang dibentangkan di SSS, Universiti Malaysia Sabah, 17 Ogos.

Roy, D.1994. "Hegemon on the Horizon? China's Threat to East Asian Security". **International Security, Vol. 19, No. 1, Summer,** Hal. 149-168.

Sebastian, L. C. 1991. "Ending an Armed Struggle without Surrender: The Demise of the Communist Party of Malaya (1979-89) and the aftermath", **Contemporary Southeast Asia**, Vol. 13, No. 3, Dec. Hal. 277-278.

Seiichi Masuyama 2004. **The Asian Strategy of Japanese Multinasionals: Focus on China**, Tokyo Club Research Conference, February 9-10 dilayari pada (20 Ogos 2004) www.brook.edu/views/papers/bosworth

Stubbs, R. 2002. "ASEAN Plus Three: Emerging East Asian Regionalism?", **Asian Survey, Vol. 42, No. 3,** Hal. 440-455.

UN Conference on Trade & Development dilayari pada 30 Disember 2004 di www.unctad.org.

Wong. J. & Chan. S. (2003). China's Outward Direct Investment: Expanding Worldwide, **China: An International Journal, Vol. 1, No. 2, Sept. Pg. 273-301.** Hal. **273 – 301.**

Wu Xinbo (1998), "China: Security of a Modernizing and Ascending Power", dalam Muthiah Allagapa (Ed.), **Asian Security Practice: Material and Ideational Influence**, Stanford: Stanford University Press. Hal. 115-156.

Yow Cheun Hoe (2004), "China-ASEAN Relations: Chronology of Events, April to November 2003", **China: An International Journal, Vol. 2, No. 1 (March 2004),** Hal. 171-184.

Majalah

"Malaysian firms must adjust to Chinese laws", NST, 15 Disember 2004.

"PM: Kos jalankan perniagaan di Malaysia akan diturunkan lagi", Daily Express (Sabah), 29 Mei 2004.

"Reaping a harvest of good relations", NST, 26 Mei 2004

Internet

"China to open up US$1.5 trillion trade market in five years: Vice President" dilayari pada 20 Mac 2004 di http://english.peopledaily.com

"China to open up US$1.5 trillion trade market in five years: Vice President", Peopledaily, http://english.peopledaily.com (20 Mac 2004).

"China, Asean to advance free trade", China daily, dilayari pada 5 Januari 2005. http://www.chinadaily.com.cn/english/doc/2004-11/29/content_395729.htm

"China's heir-apparent tells world's top power to treat Asians as equals", Xinhuanet, dilayari di http://story.news.yahoo.com. (20 Mac 2004).

"China's heir-apparent tells world's top power to treat Asians as equals", Xinhuanet, dilayari di pada 20 Mac 2004 http://story.news.yahoo.com.

"Go south" strategy threatened, Taipei Times, dilayari pada 21 Oktober 2004 di www.Taipeitimes.com/taiwan/2004/09/29/

"Hu Jiantao's Malaysia Stop, 23-26 April 2002" dilayari pada 20 Mac 2004 di http://story.news.yahoo.com

"Hu Jiantao's Malaysia Stop, 23-26 April 2002". Xinhuanet, http://story.news.yahoo.com (20 Mac 2004).

"Malaysia Refutes 'China Threat' Theory" dilayari pada 30 Disember 2004 di http://www.china.org.cn/english/international/94733.htm.

"Malaysia Refutes 'China Threat' Theory", China Daily, dilayari pada 30 Disember 2004 di http://www.china.org.cn/english/international/94733.htm.